

# UROCK 2018 TINGKATKAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI ROBOT

Oleh : Mohd Basri Basir

Pauh Putra, 13 Oktober – Kejayaan siri penganjuran Malaysian University Robot Competition (MURoC) pada tahun 2010 hingga 2012 dan seterusnya MIROc 2013 hingga 2014 mendorong Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan University Robot Competition : Kingdom of Champions (UROCK 2018), di sini hari ini. Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata kejayaan siri penganjuran pertandingan-pertandingan berkenaan jelas membuktikan bahawa penyelidikan berkaitan teknologi robot menjadi agenda utama institusi pendidikan masa kini.

"Penganjuran program ini juga dapat meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar mahupun kakilangan IPT berkaitan ilmu-ilmu kejuruteraan robotik sekaligus memberi peluang mereka melahirkan idea-idea inovatif. "Selain itu, UROCK 2018 dengan tema 'Robotics Innovations: Transforming Our Lives' ini juga membawa inspirasi kecenderungan UniMAP terhadap teknologi robotik yang seterusnya dapat melahirkan lebih ramai pelapis," kata beliau ketika berucap di Majlis Penutup UROCK 2018 di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, di sini.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP dan penaja-penaja program itu. Tambahnya, UniMAP bersyukur kerana diberi kepercayaan oleh penaja-penaja utama iaitu UniMAP sendiri, Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), McDonald Cawangan Kangar, Rass Design dan Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoTech) UniMAP.

Sebanyak tiga kategori pertandingan diadakan di UROCK18 dengan Pasukan UniMAP A meraih kejuaraan dalam kategori Drone Challenge, pasukan UniMAP B menjuarai kategori Legged Robot Race manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih kemenangan dalam kategori Cooperative Robot Challenge selain Anugerah Khas berjaya didominasi Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

